

MAJLIS MESYUARAT NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

MESYUARAT PERTAMA DARI MUSIM PERMESYUARATAN KE-21 MAJLIS MESYUARAT NEGARA BAGI TAHUN 2025

PERINTAH HARIAN
SABTU, 8 MAC 2025

PH07/01/2025

9:30 PAGI

1

1. MEMBACA DOA

2. PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

- i. **[PL31] Yang Berhormat Dayang Hajah Safiah binti Sheikh Haji Abd Salam** minta **MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI** menyatakan punca utama penurunan *Government Index Effectiveness* yang direkodkan di tangga 22 oleh The World Bank dan punca utama penurunan Program Penggedaran Prestasi Sektor Awam (3PSA) yang hanya menunjukkan 17% agensi kerajaan yang mencapai tahap “Baik”. Mengambil kira perkhidmatan awam yang cemerlang adalah nadi penggerak sesebuah negara, apakah strategi Kementerian untuk mempertingkatkan Tadbir Urus Yang Baik & Kecemerlangan Perkhidmatan Awam bagi mencapai Kualiti Kehidupan Rakyat yang Tinggi.
- ii. **[PL78] Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Suyoi bin Haji Osman** minta **MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI DAN MENTERI PERTAHANAN II** menyatakan (a) peranan Jabatan Perkhidmatan Pengurusan (JPP) dalam menambah baik kualiti perkhidmatan dan kepuasan hati orang ramai seperti isu kelambatan mendapatkan jawapan serta maklumat atau borang yang hilang; dan (b) tindakan bagi memperbaiki '*attitude*' penjawat awam agar lebih mesra pelanggan, mengambilkira pembaharuan dan pengemaskinian dalam perkhidmatan diperlukan dalam era melangkah ke AI agar ia kekal relevan.
- iii. **[PL24] Yang Berhormat Awang Amran bin Haji Maidin** minta **MENTERI PENGANGKUTAN DAN INFOKOMUNIKASI** menyatakan apakah usaha Jabatan Pengangkutan Darat dalam memastikan

operasi sekolah memandu dapat beroperasi secara berterusan setelah pengusaha sesebuah sekolah telah meninggal dunia. Adakah Kementerian dapat mempertimbangkan agar sekolah memandu dibenarkan untuk beroperasi secara berterusan berdasarkan pencapaian prestasi baik, jurulatih yang berpengalaman, tempat dan kemudahan sekolah yang sempurna, dan menyokong jurulatih berkelayakkan menjadi pengusaha sekolah memandu.

- iv. **[PL25] Yang Berhormat Awang Amran bin Haji Maidin** minta **MENTERI PENGANGKUTAN DAN INFOKOMUNIKASI** menyatakan jika Kementerian dapat mempertimbangkan untuk mengadakan lesen Kelas 6 yang khusus bagi bas 22 tempat duduk sebagai tambahan kepada kategori yang sedia ada, memandangkan terdapat kesukaran di kalangan bakal pemandu bas untuk mengendali bas yang terlalu besar namun ingin untuk memohon jawatan sebagai pemandu untuk memandu bas 22 tempat duduk. Perkara ini diperlukan bagi menampung kekurangan pemandu bas di kalangan rakyat dan penduduk NBD bagi menuruskan perkhidmatan bas di NBD.
- v. **[PL26] Yang Berhormat Awang Amran bin Haji Maidin** minta **MENTERI PENGANGKUTAN DAN INFOKOMUNIKASI** menyatakan jika dipertimbangkan untuk memberikan sijil kepada pengusaha sekolah memandu untuk membuka baru atau mengusaha sekolah memandu yang sedia ada atau mengambil alih pengurusan sekolah memandu setelah pengusaha sesebuah sekolah telah meninggal dunia. Dan mempertimbangkan bagi mereka yang telah lulus ujian dan layak untuk menjadi jurulatih untuk dibolehkan bekerja di mana-mana sekolah memandu atau membuka sekolah memandu.
- vi. **[PL91] Yang Berhormat Awang Mohammad bin Abdullah @ Lim Swee Ann** minta **MENTERI KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN** menyatakan perancangan Kementerian bagi mengekalkan kebudayaan setiap puak yang terdapat di negara ini. Adakah Kementerian bercadang untuk sering mengadakan persembahan/pertandingan kebudayaan bagi memperkenalkan kepada golongan belia-belua dan generasi baru, dengan mengambil kira kebimbangan terhadap pengurangan amalan kebudayaan yang semakin pupus di negara ini.
- vii. **[PL113] Yang Berhormat Awang Haji Daud bin Jihan** minta **MENTERI KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN** menyatakan perancangan Kementerian untuk memperkasa bahasa, budaya dan pengetahuan tradisional masyarakat Puak Jati Brunei agar lebih dikenali dan selaras dengan Matlamat Pembangunan Yang Berdayatahan (SDG)? Adakah ada perancangan bagi membantu

dalam pembangunan model ekonomi mampan warisan budaya yang boleh menterjemahkan dan mempertahankan keaslian dan nilai nilai tradisi yang diwarisi sejak turun-temurun.

- viii. **[PL114] Yang Berhormat Awang Haji Daud bin Jihan** minta **MENTERI KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN** menyatakan langkah bagi memperkasa masyarakat Puak Jati bagi mengalakan penglibatan aktif dalam agenda pembangunan negara. Apakah usaha untuk mengekalkan warisan dalam aspek sosial dan ekonomi agar tidak hanyut dibawa arus kemodenan dan kemajuan.
- ix. **[PL88] Yang Berhormat Awang Mohammad bin Abdullah @ Lim Swee Ann** minta **MENTERI SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN** menyatakan tindakan Kementerian untuk mengatasi keluhan petani-petani tempatan yang bersekala kecil dan sederhana mengenai dengan subsidi baja dari Jabatan Pertanian yang sering tidak mendapat pengagihan baja-baja tersebut, yang mana kebanyakan baja-baja itu disalurkan kepada pengusaha atau syarikat yang sudah berjaya dan berskala besar.
- x. **[PL56] Yang Berhormat Dayang Hajah Rosmawatty binti Haji Abdul Mumin** minta **MENTERI SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN** menyatakan rancangan pihak kementerian untuk menangani isu penurunan industri perikanan Brunei kepada 18.2% yang mana dipengaruhi oleh perubahan iklim dan kualiti air yang semakin merosot. Ingin mengetahui sekiranya penurunan ini adalah disebabkan oleh pencerobohan nelayan haram di perairan Brunei dan apakah data terkini kadar pencerobohan nelayan haram di perairan Brunei dan usaha-usaha pencegahan mengenainya.
- xi. **[PL8] Yang Berhormat Awang Zainol bin Haji Mohamed** minta **MENTERI HAL EHWAL UGAMA** menyatakan langkah strategik kementerian dalam memastikan pendekatan rohani untuk menangani kesihatan mental dengan lebih berkesan dan tidak sekadar aktiviti rutin. Adakah ada perancangan bagi memperkenalkan modul latihan khusus bagi pemimpin di tempat kerja serta memperluaskan integrasi kaunseling berteraskan kerohanian ke sektor swasta bagi memastikan pendekatan holistik yang menyeluruh.
- xii. **[PL39] Yang Berhormat Awang Haji Salleh Bostaman bin Haji Zainal Abidin** minta **MENTERI HAL EHWAL UGAMA** menyatakan perancangan untuk memperkenalkan kategori baharu bagi permohonan yang belum diperakui dan status-status sijil halal premis untuk disiarkan dalam talian atau secara fizikal dan usaha penguatkuasaan yang ketat memandangkan beberapa premis

makanan, termasuk yang bukan milik orang Islam, beroperasi sementara menunggu sijil halal atau pembaharuan sijil. Ingin mengetahui rancangan Kementerian untuk mempercepat pensijilan dan meningkatkan pemantauan dan jika penswastaan perkhidmatan ini boleh membantu.

- xiii. **[PL112] Yang Berhormat Awang Haji Daud bin Jihan** minta **MENTERI PEMBANGUNAN** menyatakan justifikasi perbezaan kadar cukai tanah yang lebih tinggi di kawasan perbandaran berbanding luar bandar, sedangkan perkhidmatan seperti kutipan sampah, pembersihan saliran, dan penyelenggaraan infrastruktur di kawasan perbandaran tidak menunjukkan perbezaan yang ketara. Adakah kerajaan bercadang untuk menilai semula kadar cukai atau meningkatkan perkhidmatan bagi memastikan manfaat yang setimpal.
- xiv. **[PL41] Yang Berhormat Awang Haji Salleh Bostaman bin Haji Zainal Abidin** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan langkah Kementerian dalam mengenalpasti murid-murid daripada keluarga berpendapatan rendah dan tidak mendapat makanan berkhasiat malah ada yang tidak makan. Apakah tindakan selanjutnya untuk memastikan kesejahteraan dan pertumbuhan seimbang murid-murid memandangkan kanak-kanak memerlukan makanan berkhasiat untuk pertumbuhan seimbang, selaras dengan dasar negara memelihara kesejahteraan anak damit terutamanya jua bagi murid-murid yang menghadiri menghadiri kelas hingga petang bagi sistem integrasi.
- xv. **[PL54] Yang Berhormat Dayang Hajah Rosmawatty binti Haji Abdul Mumin** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan langkah-langkah yang diambil untuk meningkatkan kesedaran dan kefahaman guru berkenaan Standard Guru Brunei (BTS) dan Penilaian Prestasi Guru (TPA). Perkara ini adalah berdasarkan dapatan kaji selidik Ahli MMN dan Warga pendidik yang menunjukkan bahawa hanya 19.7% guru benar-benar memahami standard dan keperluan mereka bagi memenuhi piawaian Pendidikan.

3. KENYATAAN MENTERI

- i. Akan dikemukakan oleh **Yang Berhormat Datin Seri Setia Dr. Dayang Hajah Romaizah binti Haji Md. Salleh, Menteri Pendidikan.**

4. RANG UNDANG-UNDANG DAN USUL KETETAPAN KUMPULANWANG KEMAJUAN

PERBAHASAN PERINGKAT DASAR

Perbahasan berkenaan “Rang Undang-Undang (2025) Perbekalan, 2025/2026”

DAN

“Usul Ketetapan Kumpulanwang Kemajuan yang telah dicadangkan oleh Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah, PSNB., SPMB., Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Negara Brunei Darussalam”

5. PERTANYAAN BAGI JAWAB BERTULIS

- i. **[PT10] Yang Berhormat Dayang Hajah Safiah binti Sheikh Haji Abd Salam** meminta **MENTERI PEMBANGUNAN** menyatakan jika Kementerian mempunyai pelan mitigasi yang bersifat komprehensif dan ‘*prediction tools*’ bagi mengurangkan risiko, impak dan meningkatkan persediaan untuk menangani masalah banjir. Perkara ini mungkin terjadi disebabkan kesan atau impak perubahan iklim tidak dapat dikawal sehingga terdapat peningkatan tahap air di kawasan-kawasan yang rendah yang tidak pernah mengalami banjir.
- ii. **[PT11] Yang Berhormat Dayang Hajah Safiah binti Sheikh Haji Abd Salam** meminta **MENTERI PEMBANGUNAN** menyatakan rancangan Kementerian untuk memastikan perlindungan menyeluruh tapak-tapak dibawah Akta Barang-Barang Purbakala dan Harta Terpendam Penggal 31, yang boleh dimanfaatkan sebagai tarikan pelancongan dan pusat penyelidikan. Terdapat empat tapak telah dicadangkan sebagai Tapak Warisan Dunia UNESCO pada tahun 2013, apakah status terkini permohonan tersebut dan langkah-langkah yang diambil untuk memenuhi kriteria yang ditetapkan UNESCO.
- iii. **[PT17] Yang Berhormat Awang Haji Salleh Bostaman bin Haji Zainal Abidin** meminta **MENTERI PEMBANGUNAN** menyatakan langkah kementerian boleh menggalakkan atau memudahkan penyerapan insentif untuk mencapai kecekapan tenaga dan inisiatif hijau dalam perancangan projek-projek. Adakah kementerian mempunyai inisiatif atau pelan sokongan yang dapat mendorong pemaju untuk mengintegrasikan amalan mesra alam dalam projek mereka, sekaligus mewujudkan persekitaran yang lebih mampan.

-
- iv. **[PT21] Yang Berhormat Dayang Hajah Rosmawatty binti Haji Abdul Mumin** meminta **MENTERI PEMBANGUNAN** menyatakan perancangan untuk mempercepatkan dan memperluaskan inisiatif ekonomi kitaran, termasuk insentif kepada perniagaan dan penyepaduannya dalam pelan ekonomi negara. Ini berdasarkan fakta bahawa hampir 46% sisa di tapak pelupusan adalah sisa makanan dan kepentingan ekonomi kitaran selaras dengan SDG12 untuk mengurangkan kebergantungan kepada import, menjana peluang ekonomi, serta menyokong kelestarian alam sekitar.
- v. **[PT32] Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Suyoi bin Haji Osman** meminta **MENTERI PEMBANGUNAN** menyatakan perancangan untuk (i) membangun rumah dibawah Skim Perumahan Negara dengan kaedah yang baru seperti PPP dan (ii) mengenalpasti tapak tanah baru untuk diberikan dibawah Skim Kurnia Tanah Rakyat Jati. RPN telah memudahkan pemilikan rumah dan Alhamdulillah meringankan dari segi penyediaan perumahan. Walaubagaimanapun senarai yang memohon perumahan sudah bertambah, begitu juga kelamaan menunggu.
- vi. **[PT43] Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Haji Md. Yusof** meminta **MENTERI PEMBANGUNAN** menyatakan inisiatif dan pelan tindakan penambahbaikan bagi memastikan semua proses lebih efektif, efisien dan segera dalam mendokong negara merealisasikan dasar *ease of doing business* dan menarik lebih ramai lagi pelabur asing (FDI). Terdapat banyak aduan dan maklumat telah di terima daripada pemohon-pemohon termasuk pengusaha bagi perkhidmatan-perkhidmatan yang dikendalikan oleh agensi-agensi di bawah Kementerian Pembangun khususnya ABCi, Jabatan Perancang Bandar dan Desa dan Jabatan Tanah.
- vii. **[PT3] Yang Berhormat Awang Zainol bin Haji Mohamed** meminta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan hasil kajian mengenai kesan pemakanan terhadap prestasi akademik dan kesihatan pelajar. Sejauh mana *School Meal Program* boleh menangani isu malnutrisi, memastikan perkembangan fizikal yang sihat dan menyokong kesejahteraan pelajar secara holistik dalam jangka panjang.
- viii. **[PT30] Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Suyoi bin Haji Osman** meminta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan hasil penilaian program program dan kursus kursus yang dikendalikan kepada guru guru dan bagaimana mengukur keberkesanan kepada kualiti guru. Sejauh manakah

hasilnya menunjukkan peningkatan dalam pembelajaran dan pencapaian pelajar di semua peringkat secara inklusif.

- ix. **[PT14] Yang Berhormat Awang Haji Salleh Bostaman bin Haji Zainal Abidin** meminta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan strategi dan dasar baharu yang boleh diperkenalkan untuk memastikan sumber pengajaran dan pembantu guru yang mencukupi dalam pendidikan inklusif. Pendidikan inklusif memastikan pelajar istimewa OKU membesar bersama rakan sebaya dengan sokongan guru, namun, ramai guru tidak terlatih dan tiada pembantu guru untuk memberi tumpuan kepada pelajar ini.
- x. **[PT25] Yang Berhormat Dr. Awang Haji Mahali bin Haji Momin** meminta **MENTERI PENGANGKUTAN DAN INFOKOMUNIKASI** menyatakan berkenaan potensi negara untuk menjadi pusat pemulihan data serantau dan perancangan Kementerian bagi memastikan infrastruktur digital dan rangkaian mampu menyokong negara sebagai pusat pemulihan data serantau. Adakah ini termasuk di dalam perancangan *Masterplan Digital* Kementerian.